

Pengajaran Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar: Satu Kajian Pembelajaran

Siti Raudhah Ishak

siti_raudhah_ishak@schools.gov.sg

Raihanah Mohamed

raihanah_mohamed@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Telok Kurau

Abstrak

Pengajaran dan pembelajaran karangan merupakan satu cabaran dalam kalangan murid kerana mereka mempunyai masalah untuk menjana dan mengembangkan idea ketika menulis. Justeru, Kajian Pembelajaran (*Learning Study*) telah dipilih sebagai pendekatan untuk membantu guru menangani cabaran ini. Pengajaran penulisan karangan berdasarkan gambar bersiri yang memberikan tumpuan terhadap proses penjanaan idea menggunakan rutin berfikir 'Lihat-Fikir-Tanya' dalam Menjadikan Pemikiran Jelas diterapkan untuk membantu murid meningkatkan kemahiran berfikir, menjana idea dan mengukuhkan pemahaman murid tentang urutan gambar karangan yang diberikan. Melalui kajian pembelajaran ini, guru dapat meningkatkan kemahiran mereka melalui penyediaan rancangan pelajaran khusus bagi memenuhi keperluan murid.

Kata Kunci: kajian pembelajaran, rutin berfikir, penulisan karangan, menjana idea, membina kemahiran guru



PENGENALAN

Landskap pendidikan Singapura yang sentiasa berubah telah sedikit sebanyak menimbulkan cabaran kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu. Hal ini berlaku kerana perubahan demografi penutur Bahasa Melayu dan penggunaan Bahasa Melayu yang berkurangan di rumah. Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda telah mengemukakan beberapa saranan yang bertujuan untuk mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Ibunda di sekolah. Antara saranan-saranan yang dikemukakan termasuklah penyelarasan pengajaran, pembelajaran dan penilaian untuk membina kecekapan pelajar dalam penggunaan bahasa Ibunda. Di Sekolah Rendah Telok Kurau, timbul kesedaran dalam kalangan para guru untuk memainkan peranan proaktif membina dan melaksanakan usaha intervensi yang sesuai dijalankan agar dapat memenuhi terus meningkatkan prestasi murid.

Kajian Pembelajaran telah dipilih sebagai pendekatan untuk guru memahami dan menambah nilai amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) karangan di dalam kelas. Melalui Kajian Pembelajaran, kemahiran seseorang guru untuk mengajar akan dapat dipertingkatkan, pembelajaran murid dapat diperkasakan dan dapat juga menambah nilai pengetahuan murid yang berfokus kepada objek pembelajaran. Ini selaras dengan Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang menekankan pentingnya guru dilengkapi dengan asas-asas pengetahuan dan amalan-amalan pedagogi agar dapat menyediakan pendidikan holistik kepada murid.

Untuk memperkasakan pembelajaran murid, PdP haruslah berpusatkan murid. Dalam kitaran kajian pembelajaran ini, suara dan pelibatan murid amat dititikberatkan. Melalui satu soal selidik, telah didapati bahawa murid mempunyai masalah untuk mengembangkan idea dan memerlukan bantuan untuk menjana idea agar mereka dapat menghasilkan karangan yang baik.

PERNYATAAN MASALAH

Penguasaan bahasa yang lemah dan kosa kata yang terhad menjadi hambatan bagi proses penjanaaan dan penghasilan idea bagi mengembangkan isi karangan dalam kalangan murid. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015 menyebut bahawa bagi kemahiran menulis, murid hanya mula dibimbing menulis dalam bentuk perenggan pada peringkat Darjah 4. Ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan guru kerana mereka beranggapan murid tidak dapat menulis karangan dengan baik.



Justeru, perlu dijalankan kajian pembelajaran yang bersikap kolaboratif agar dapat mengenal pasti keperluan murid sebelum difikirkan strategi-strategi yang sesuai untuk membantu mereka menulis karangan dengan baik dan kreatif. Pada masa yang sama, keupayaan guru untuk menjalankan proses PdP yang berpusatkan murid harus terus dipertingkatkan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk:

1. membina keupayaan dan kemahiran guru melalui pendekatan kajian pembelajaran;
2. memperkasakan pembelajaran murid melalui penggunaan rutin berfikir 'Lihat-Fikir-Tanya'; dan
3. meningkatkan kebolehan murid untuk menjana idea dalam penulisan karangan dengan penggunaan teknik 'Aksi-Reaksi'.

KAJIAN LEPAS

Menurut Dewey (1910), amalan reflektif membenarkan guru merancang langkah-langkah PdP di dalam kelas sambil berpandangan jauh. Ini sejajar dengan Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang mengetengahkan bahawa proses pengajaran menjelaskan apa yang menjadi amalan guru dan perlunya melakukan refleksi sebelum, semasa dan sesudah interaksi dengan murid berlangsung dalam semua konteks pembelajaran.

Kajian pembelajaran merupakan pendekatan yang bersifat kolaboratif dan berulang, bertujuan untuk membantu guru mereka bentuk, menilai dan memperbaiki pengajaran bagi memperkasakan pembelajaran murid (Pang & Ling, 2011). Melalui kajian yang berpusatkan murid ini, guru dapat membeza-bezakan aspek kritikal objek pembelajaran. Melalui pendekatan kajian pembelajaran, secara kolaboratif, guru merancang, melaksanakan dan memudah cara pengajaran dan pembelajaran karangan yang menekankan proses inkuiri dalam suasana yang selamat. Ini selaras dengan prinsip STP yang bertujuan untuk membantu setiap guru Singapura menjadi lebih yakin dan reflektif dalam amalan pengajaran di bilik darjah.

Dalam kajian ini, cabaran utama adalah untuk membantu murid menjana idea dan berfikir secara kritis. Menurut Ritchhart, Church, Morrison (2011), untuk menggalakkan kebiasaan berfikir di dalam kelas, guru harus menyediakan peluang dan masa yang mencukupi bagi murid berfikir dan memastikan proses berfikir dalam kalangan murid ini jelas. Menurut Ritchhart



(2002), rutin berfikir merupakan cara-cara berfikir yang boleh digunakan dan disesuaikan dalam pelbagai keadaan. Ini bermakna, perlunya murid dibiasakan dengan rutin berfikir agar dapat membantu murid berfikir dengan kritis agar proses penjanaaan idea akan menjadi lebih mudah dan teratur.

Proses pemikiran jelas ini boleh hadir ketika guru mengajar atau ketika murid menyelesaikan tugas secara individu. Ketika guru mengajar, proses ini akan membantu guru untuk memantau pemahaman murid. Menurut Ritchhart, Church, Morrison (2011), terdapat tiga cara asas yang membantu pemikiran jelas, iaitu (1) teknik menyoal, (2) mendengar dan (3) mencatat. Cara-cara ini sesuai dijalankan sewaktu PdP. Guru haruslah bertanyakan soalan secara teratur dan jelas agar dapat memodelkan cara berfikir, dan membantu murid membentuk dan mencerahkan pemahaman mereka. Kemudian, guru harus mendengar jawapan dan respons murid agar dapat dikesan pemahaman murid dan seterusnya dapat menilai dan memberikan maklum balas yang sesuai dan membina. Melalui proses mencatat pula, guru akan dapat mencatat respons murid lantas merakam proses pemikiran murid. Ini amat penting kerana kedua-dua guru dan murid akan dapat merenung kembali dan menilai pemahaman murid.

KAEDAH KAJIAN

Kajian pembelajaran ini melibatkan pengumpulan dan penelitian data yang berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Pencapaian murid dalam peperiksaan SA1 dan SA2 serta borang soal selidik merupakan data yang dianalisis agar dapat dibincangkan dan difikirkan langkah-langkah yang harus diambil untuk meningkatkan kemahiran murid menulis. Selain itu, hasil pemerhatian guru ketika PdP di dalam kelas dan perbincangan yang hadir setelah itu akan dihuraikan secara kualitatif.

Amalan Pengajaran Singapura (STP), penting dalam memastikan PdP yang dirancang dan dilaksanakan berkesan. Kehadiran budaya positif di dalam bilik darjah merupakan suatu perkara asas yang perlu ditetapkan dari awal tahun lagi. Untuk kajian pembelajaran ini, profil dan latar belakang murid telah diambil kira dalam penetapan objek pembelajaran ketika menyediakan rancangan pengajaran. Seterusnya, proses pelaksanaan pelajaran dan penilaian serta maklum balas amat dititikberatkan untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar seperti yang dapat dilihat dalam rajah berikut.



Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

| Proses Pengajaran | Aspek Pengajaran | Aktiviti Mengajar |
|----------------------------|--|--|
| Pelaksanaan Pelajaran | <p>AP13: Mengaktifkan pengetahuan sedia ada</p> <p>AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas</p> <p>AP20: Menggunakan soalan untuk memperdalam pembelajaran</p> | <p>AM1: Fikir-Berpasangan-Berkongsi Pengetahuan sedia ada berguna untuk mempengaruhi secara signifikan proses pembelajaran murid dan mengaktifkan ingatan, pemahaman dan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran baharu. Rutin berfikir Fikir-Berpasangan-Berkongsi dipilih bagi menggalakkan murid menjana idea, membandingkan idea bersama teman dan berkongsi idea mereka dengan rakan sekelas.</p> <p>AM2: Melakukan Tunjuk Cara Guru melakukan modeling atau tunjuk cara bagi aktiviti yang akan dilaksanakan secara berkumpulan atau sendiri. Cara ini dapat merangsang minat murid untuk mengikuti pelajaran seterusnya dan belajar menerusi penelitian contoh guru untuk menjawab soalan-soalan.</p> <p>AM1: Rangkaian IRF- Mulakan- Respons-Maklum Melalui penggunaan soalan-soalan terbuka, guru dapat membina pemikiran kritis dan inventif murid. Aktiviti rangkaian IRF, iaitu Mulakan-Respons-Maklum memerlukan guru untuk mengetengahkan soalan untuk mendapatkan pendapat murid. Guru tidak akan membetulkan jawapan malahan menyusuli respons murid dengan komen atau soalan untuk memperluas pemikiran murid.</p> |
| Penilaian dan Maklum Balas | AP22: Memantau pemahaman dan memberi maklum balas | AM4: Kongsi Pembelajaran Saya Guru akan memastikan pemahaman murid dengan menyemak semula isi utama yang telah disampaikan dengan mendapatkan murid berkongsi pembelajaran mereka menggunakan penyusun grafik. |



| | |
|----------------------------|--|
| Penerangan dan Justifikasi | Guru mengaktifkan pengetahuan sedia ada murid melalui rutin berfikir Fikir-Berpasangan-Berkongsi untuk merangsang minat murid. Minat murid dipertingkatkan dengan guru melakukan modeling agar murid dapat memahami dengan jelas fokus pembelajaran pada sesi tersebut. Guru menggalakkan pelibatan murid dalam aktiviti rangkaian IRF iaitu Mulakan-Respons-Maklum untuk mendapatkan pendapat murid menerusi soalan-soalan untuk memperluas pemikiran murid. Penglibatan merupakan syarat penting bagi pembelajaran yang mendalam dan menyeronokkan. Guru juga membuat refleksi tentang pembelajaran murid dengan menggalakkan murid menyemak semula isi utama dan berkongsi pembelajaran mereka bersama rakan. |
|----------------------------|--|

Subjek Kajian

Subjek bagi kajian ini ialah murid Darjah 4 (MP) yang agak sederhana keupayaan dan pencapaian mereka. Terdapat 20 orang murid perempuan dan lelaki yang terlibat dalam kajian ini. Subjek dipilih dengan tujuan agar dapat dipertingkatkan kemahiran mereka berfikir dengan kritis untuk menjana idea agar dapat menulis dan menghasilkan karangan yang relevan dan menarik. Kumpulan murid ini telah didedahkan kepada rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya sejak awal tahun. Murid ini semua lulus dalam penilaian karangan SA1. Hanya 10% sahaja yang mendapat lebih daripada 12 markah dari markah penuh 15 markah untuk penulisan karangan.

Instrumen Kajian

Untuk menjalankan kajian ini, berikut merupakan instrumen kajian yang digunakan:

1. Borang soal-selidik yang bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan pendapat murid tentang bahagian penulisan karangan yang mendatangkan masalah kepada mereka.
2. Borang refleksi di akhir projek ini yang merakamkan tanggapan murid tentang pencapaian dan kemahiran mereka untuk menulis karangan selepas peperiksaan SA2.
3. Borang '*colloquim*' yang merakamkan perbincangan dan penilaian guru terhadap keberkesanan PdP di dalam kelas.

Prosedur Kajian

Setelah mengetahui profil murid, guru telah menetapkan objek pembelajaran iaitu penulisan karangan. Kemudian, aspek kritikal dikenal pasti. Aspek kritikal



merupakan perkara yang harus diketahui dan dipelajari murid untuk memahami objek pembelajaran secara mendalam. Setelah mengenal pasti objek pembelajaran dan aspek kritikal penulisan karangan yang bersifat sementara ini, guru mendapatkan pandangan dan perspektif murid tentang kebolehan dan keupayaan mereka dalam penulisan karangan. Di sini, borang soal selidik yang diberikan pada akhir Semester 1 bertujuan untuk mendiagnosis keperluan murid dari perspektif mereka. Daripada hasil soal selidik ini, guru mengemaskini dan mengenal pasti aspek kritikal yang bersesuaian dengan keperluan murid.

Guru telah mengetengahkan latar belakang dan profil murid serta menyerlahkan masalah mereka dalam penulisan karangan. Selain itu, kajian pembelajaran yang dijalankan pada akhir Semester 1 ini memerlukan guru untuk mengumpul dan menganalisis data pencapaian murid. Melalui kajian pembelajaran yang bersifat kolaboratif ini, guru mengkaji proses pembelajaran murid agar dapat dirancang langkah-langkah pembelajaran yang berkesan supaya murid lebih yakin dan mahir dalam penghasilan karangan. Berdasarkan dapatan ini, guru mula melakarkan rancangan-rancangan pelajaran yang mengetengahkan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya untuk membantu murid berfikir dengan kritis. Rancangan-rancangan pelajaran ini juga dirancang berdasarkan Amalan Pengajaran Singapura (STP).

Terdapat dua rancangan pelajaran yang dilakarkan. Rancangan pelajaran pertama bertujuan untuk memastikan murid memahami jalan dan urutan cerita. Rancangan pelajaran yang kedua pula memerlukan murid untuk menjana idea dan mengembangkan idea secara bertahap. Tahap pertama memerlukan murid untuk memadamkan perkataan dengan gambar. Tahap kedua pula memerlukan murid untuk mengaitkan gambar dengan idea baharu.

Guru sedar akan pentingnya mengaktifkan pengetahuan sedia ada murid untuk mempengaruhi proses pembelajaran murid secara signifikan. Aktiviti Fikir-Berpasangan-Berkongsi dijalankan untuk mengaktifkan ingatan, pemahaman dan pengaplikasian pengetahuan murid. Guru boleh membantu murid untuk membina pemahaman berdasarkan keupayaan mereka, memberikan makna kepada pembelajaran yang baharu dengan menyediakan konteks hubungan yang bermakna serta menangani jurang pemahaman murid.

Melalui penggunaan soalan-soalan terbuka, guru dapat membina pemikiran kritis dan inventif pelajar. Aktiviti rangkaian IRF iaitu Mulakan-Respons-Maklum memerlukan guru untuk mengetengahkan soalan untuk mendapatkan pendapat murid. Guru tidak akan membetulkan jawapan murid malahan menyusuli respons mereka dengan komen atau soalan lanjutan untuk memperluas pemikiran murid.



Untuk menutup pelajaran, guru akan memastikan pemahaman murid dengan menyemak semula isi utama yang telah disampaikan dengan menggalakkan murid berkongsi pembelajaran mereka menggunakan penyusun grafik bergambar.

Akhir sekali, penilaian formatif harus dijalankan semasa proses pengajaran sebagai bukti pemahaman murid. Ini akan membantu guru untuk membimbing metakognitif murid serta memperbaiki pengajaran seterusnya jika perlu. Apabila murid berkongsi pembelajaran mereka melalui aktiviti 'kafe dunia', lintas galeri atau pas keluar, guru akan dapat memantau dan menambah nilai pemahaman murid.

Sewaktu PdP dilakukan, beberapa orang guru lain telah dijemput untuk memantau PdP yang dijalankan. Guru pemantau melakukan pemantauan dan penilaian dari aspek kesesuaian dan ketepatan pemilihan objek pembelajaran. Tumpuan dilakukan bukan terhadap cara pengajaran tetapi lebih kepada cara pembelajaran. Lantas, fokus setiap guru pemantau ialah murid, dan setiap gerak-geri, komen dan perbualan murid sewaktu guru mengajar, semasa perbincangan berkumpulan mahupun sewaktu perbincangan bersama guru dipantau, diperhatikan dan dicatat. Begitu juga dengan tindakan dan respons guru.

Setelah proses PdP selesai, sesi kolokuium pula akan menyusul. Dalam sesi ini, setiap pemantau berkongsi perkara-perkara yang diperhatikan. Pemantau juga memberikan pendapat secara konstruktif agar setiap maklum balas yang diberikan dapat digunakan untuk memperbaiki pelajaran seterusnya. Berdasarkan hasil pemantauan dan hasil kerja murid, guru akan merancang pengajaran seterusnya ataupun membuat perubahan dan menjalankan kitaran kedua sekiranya didapati murid tidak dapat mencapai objektif pembelajaran seperti yang diharapkan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada permulaan kajian pembelajaran ini, guru telah menyenaraikan aspek-aspek kritikal sementara dalam penulisan karangan bergambar. Aspek-aspek kritikal ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu isi dan bahasa. Berikut merupakan aspek-aspek kritikal yang telah dikenal pasti.




Jadual 2: Senarai Aspek Kritikal Sementara


| Bahagian | Aspek Kritikal |
|----------|--|
| Isi | 1. Mengetahui pasti latar, watak dan tema |
| | 2. Memahami urutan cerita |
| | 3. Menjana idea |
| | 4. Mengembangkan idea |
| | 5. Memahami Unsur konflik dan pemerolehan |
| Bahasa | 1. Menggunakan kosa kata yang tepat dan sesuai |
| | 2. Penggunaan ayat gramatis |
| | 3. Penggunaan ayat pelbagai |
| | 4. Pemerenggan |

Rajah 1 menunjukkan markah bahasa yang dicapai murid sewaktu peperiksaan SA1. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid mempunyai masalah dalam bahagian bahasa kerana tiada murid yang mendapat lebih daripada 5 markah. 45% murid mendapat 4 markah. Ini bermakna mereka hanya mencapai prestasi memuaskan untuk bahagian bahasa. Jelas dapat dilihat bahawa murid mempunyai masalah kosa kata, tatabahasa, variasi ayat dan pemerenggan.

Rajah 2 pula menunjukkan markah isi yang dicapai murid sewaktu peperiksaan SA1. Semua murid lulus bahagian Isi. 55% murid mendapat lebih daripada 6 markah. Namun, 45% murid yang mendapat 4 hingga-5 markah masih mempunyai masalah mengembangkan idea dan sebahagian sahaja idea yang diketengahkan relevan dan sesuai.



Rajah 3: Persepsi Murid Tentang Kebolehan Mereka Menulis Karangan



Namun, dapatan soal selidik dalam Rajah 3 menunjukkan bahawa 65% murid tidak yakin dengan kebolehan mereka menjana idea. 70% murid berpendapat bahawa mereka tidak boleh mengembangkan idea. Disebabkan hal ini merupakan sebuah kajian pembelajaran dan perlunya diambil kira maklum balas dan pandangan serta pendapat murid, maka diubah fokus daripada bahagian bahasa kepada bahagian isi. Pengkaji berasa apabila fokus diberikan kepada bahagian penjana isi, murid akan dapat menggunakan kosa kata yang lebih bertepatan dan sesuai lantas dapat menguasai bahasa dengan lebih baik. Perubahan aspek kritikal dilakukan agar dapat membantu murid menulis karangan dengan yakin.

Aspek Kritikal yang dikemas kini:

1. Memahami jalan cerita.
2. Menjana idea dengan memadankan perkataan dengan gambar.
3. Mengembangkan idea dengan mengaitkan gambar dengan idea baharu.

Aspek-aspek kritikal ini sejajar dengan skema pemarkahan karangan Darjah 3 dan 4. Untuk mendapat markah 6 hingga 7 untuk isi, idea pada umumnya haruslah dikembangkan dengan sepenuhnya atau baik. Ini juga bertepatan dengan hasil pembelajaran khusus (4.3.3) yang terdapat di dalam sukatan pelajaran, iaitu murid seharusnya berkebolehan untuk menjana dan menyusun idea untuk menghasilkan pelbagai jenis teks dengan mengembangkan idea secara teratur mengikut kronologi, sebab dan akibat dan keutamaan.

Rancangan pelajaran pertama dapat dilaksanakan dengan baik. Dapat dilihat bahawa guru berjaya memastikan murid dapat menggunakan

istilah-istilah karangan yang sesuai. Pemerhatian ini telah dikongsi sewaktu sesi kolokuium yang dijalankan selepas kelas. Guru sebulat suara menyatakan bahawa salah satu kekuatan PdP yang dijalankan ialah murid dapat mengenal pasti bahagian-bahagian yang membentuk karangan dan mereka berkebolehan untuk menggunakan istilah-istilah yang tepat. Guru juga dapat mengesan bahawa murid amat yakin ketika menyusun jalan cerita karangan. Murid telah memamerkan kebolehan mereka untuk memastikan pemikiran mereka jelas melalui soalan-soalan yang mereka utarakan sesama sendiri ketika kerja kumpulan.

Jadual 3: Perbincangan Murid Ketika PdP 1

| Murid | Ujaran Murid |
|--------------|--|
| A | Yang mana satukah pengenalan ? |
| B | Cikgu kata, dalam pengenalan biasanya akan dikenalkan watak . |
| C | Ya, memang betul, tetapi semua ada watak, yang mana satukah yang dianggap permulaan ? |
| D | Saya rasa, gambar ini permulaan kerana gambar ini tiada masalah. |
| E | Ah...ah..., gambar ini tiada konflik dan gambar ini saya rasa penutup kerana lihat ada ganjaran . |

Dapat dilihat dan dikesan bahawa murid tidak berasa kekok untuk bertanyakan soalan, memberikan respons ataupun membuat saranan ketika berbincang tentang urutan gambar-gambar yang diberikan. Murid tiada masalah untuk membina pemahaman daripada jawapan dan respons murid lain untuk membentuk pemahaman sendiri. Murid telah berjaya menunjukkan bahawa mereka memahami jalan cerita apabila mereka berjaya mengatur gambar mengikut urutan yang betul serta menerangkan sebab-sebab gambar-gambar itu disusun sedemikian. Ini membuktikan bahawa murid dapat mengaplikasikan pemikiran jelas dalam perbincangan mereka.

Rancangan Pelajaran Dua (Kitaran 1)

Untuk rancangan pelajaran kedua pula, murid harus menjana idea dan mengembangkan idea secara bertahap. Sebelum menghasilkan idea, murid harus berkebolehan untuk memadankan perkataan dengan gambar. Pemerhatian menunjukkan murid tiada masalah memahami urutan dan jalan cerita atau memadankan perkataan dengan gambar. Perkataan-perkataan yang disediakan ini sebenarnya merupakan klu yang membantu murid untuk menjana idea dan pemahaman tentang gambar-gambar itu. Rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya membantu murid bukan sahaja untuk memahami setiap gambar



tetapi juga memikirkan kosa kata lain yang sesuai agar dapat mengembangkan idea mereka.


Murid tidak menghadapi masalah untuk bahagian Lihat-Fikir. Murid dapat menyatakan dan membuat interpretasi yang sesuai berdasarkan apa yang mereka lihat. Namun, murid mempunyai masalah untuk memikirkan soalan-soalan berdasarkan interpretasi mereka. Murid tidak tahu membentuk soalan-soalan yang sesuai dan relevan. Murid hanya dapat memikirkan soalan-soalan seperti “Apa, Bagaimanakah, Mengapakah, Bila, Berapa, Siapa” tentang perkara-perkara yang tiada kaitan atau tidak penting tanpa betul-betul mengetahui atau mengenal pasti konteks atau isi yang ingin ditanya. Murid tidak dapat mengembangkan idea yang berkaitan dengan gambar. Ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan murid. Justeru, timbullah keperluan untuk mengembangkan bahagian ‘Tanya’ dengan menetapkan konteks agar murid lebih terpandu ketika menggunakan rutin berfikir ini untuk menjana idea. Jika ini dapat dijalankan dengan baik, murid akan dapat mengembangkan idea dengan mengaitkan gambar dengan idea baharu.

Oleh yang demikian, guru telah berbincang untuk memikirkan cara bagaimana murid dapat memikirkan soalan-soalan secara terpandu. Setelah berbincang, pengkaji bersetuju untuk menggunakan soalan-soalan “Apakah/ Bagaimanakah/ Mengapakah” berkaitan dengan Aksi-Reaksi-Kesan berdasarkan (1) apa yang dilihat ataupun (2) interpretasi apa yang dilihat. Proses ini dapat membantu mengembangkan idea murid dan boleh dilakukan dengan tidak mengikut urutan.

Contoh:

1. Apakah aksi/reaksi yang dapat dilihat?
2. Apakah kesannya (terhadap watak/orang lain)?

Rajah 4: Contoh penyusun grafik pengembangan Aksi-Reaksi-Kesan (Visual Representasi)



Di dalam rancangan pelajaran dua kitaran kedua, guru telah menggunakan penyusun grafik untuk membantu murid mencatat proses berfikir agar mereka dapat berfikir dengan jelas. Terdahulu, guru telah menunjukkan cara menggunakan penyusun grafik ini untuk mengembangkan idea. Muird harus bertanya apakah aksi ataupun reaksi watak-watak seterusnya berdasarkan (1) apa yang dilihat dan (2) interpretasi yang dilihat. Setelah menjalankan modeling, murid berjaya mengembangkan idea mereka dengan lebih terpandu. Pada akhir PdP, murid telah berkongsi perbincangan mereka melalui aktiviti “kafe dunia”.

Sewaktu sesi kolokium bagi kitaran kedua ini, guru-guru pemantau menyatakan bahawa sewaktu guru sedang menerangkan penggunaan teknik Aksi-Reaksi-Kesan dalam bentuk penyusun grafik, terdapat beberapa murid yang sering mengangguk kepala dan kelihatan teruja kerana mereka faham dan tidak sabar untuk menggunakan penyusun grafik ini. Guru-guru pemantau berkongsi bahawa ketika perbincangan dilakukan, murid sering mengikut cara guru mengajukan soalan seperti berikut.

Jadual 4: Perbincangan Murid Semasa PdP Kitaran 2


| Murid | Ujaran Murid |
|-------|---|
| A | Apa yang boleh kita lihat dalam gambar ini? |
| B | Hmmm... Ada budak sedang dapat hadiah. Agaknya ini ayahnya. |
| C | Hadiah untuk apa? Mari kita fikir kenapa ayahnya beri dia hadiah? |
| A | Agaknya hari lahir dia tak? Atau dia dapat markah baik untuk peperiksaan? |
| C | Hadiah hari lahirlah. Itu senang. Ok.. kita dah buat lihat, fikirkan.... macam mana nak kembangkan idea? aksi, reaksi, kesan belum... |
| B | Hmmm... hah! Apakah reaksi budak ini setelah menerima hadiah? |
| A | Hah... dia tersenyum kan! Gembiralah! |
| B | Betul.... pasti budak itu cakap terima kasih.... |

Jelas dapat dilihat bahawa murid amat terpandu ketika menggunakan penyusun grafik ini. Murid sedar dari mula apa yang harus dilakukan. Murid C telah mengingatkan murid lain bahagian yang belum diselesaikan. Murid B terus menyahut dengan bertanyakan reaksi budak itu setelah menerima hadiah. Murid B sebenarnya bertanyakan soalan berdasarkan apa yang dilihat. Jelas bahawa murid ini dapat memikirkan dan mengajukan soalan dengan lebih terpandu.




Dapatan Pascaujian SA2

Untuk peperiksaan SA2, murid telah menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan bagi bahagian isi. Berdasarkan Rajah 5, dapat dilihat, 90% murid telah berjaya mendapat lebih daripada 6 markah untuk isi berbanding dengan 55% untuk SA1. Keyakinan mereka untuk menulis juga telah meninggalkan kesan positif terhadap penguasaan bahasa mereka. Tambahan pula, terdapat kemajuan yang amat memberangsangkan apabila diteliti Rajah 6. Didapati bahawa untuk peperiksaan SA2, 85% murid mendapat 5 markah dan lebih berbanding dengan dapatan dari rajah 6, didapati bahawa 45% murid mencapai 5 markah untuk bahagian bahasa dan tiada pelajar yang mendapat lebih daripada 5 markah.



Rajah 7: Pencapaian Murid dalam Karangan SA1 dan SA2



Secara keseluruhan, murid telah berjaya menunjukkan kemajuan yang membanggakan. Seperti yang dapat dilihat dari Rajah 7, 75% murid telah mendapat 11 markah dan lebih berbanding dengan hanya 30% murid sahaja yang mendapat 11 markah dan lebih. Ini jelas membuktikan bahawa penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dan penambahan aspek Aksi-Reaksi-Kesan telah membantu murid mengembangkan idea dengan lebih berstruktur dan terpandu.

Sebuah borang refleksi telah diberikan kepada murid untuk mendapatkan tanggapan tentang pencapaian dan kemahiran mereka untuk menulis karangan selepas mempelajari cara-cara menggunakan rutin berfikir “Lihat-Fikir-Tanya” dan penambahan aspek “Aksi-Reaksi-Kesan”. Soalan yang ditanyakan ialah ‘Apakah perasaan kamu setelah menduduki kertas karangan SA2? Mengapa?’

Setelah diteliti borang-borang refleksi yang diberikan pelajar, didapati sebanyak 85% murid beranggapan bahawa mereka lebih yakin setelah menduduki kertas karangan SA2. Antara murid yang memilih “Yakin”, 47% daripada murid memberikan respons yang berkaitan dengan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya atau penambahan aspek Aksi-Reaksi-Kesan sebagai sebab mereka yakin setelah menduduki kertas karangan SA2.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapat dilihat bahawa kajian pembelajaran merupakan satu kajian yang banyak memberikan penekanan pada pembentukan dan peningkatan kebolehan serta kemahiran guru. Selain memastikan guru bekerjasama untuk memikirkan strategi-strategi yang sesuai bagi memperbaiki pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, kajian pembelajaran ini juga membantu guru membina keupayaan untuk mengumpul data serta menginterpretasi data agar dapat difikirkan langkah-langkah yang patut diambil untuk membantu proses PdP di dalam kelas.

Tahun 2018 merupakan tahun pertama buku-buku Cepak Darjah 4 digunakan. Buku 4B hanya diterima sewaktu akhir Penggal 2 tahun tersebut. Namun, amat menggembirakan apabila didapati bahawa latihan-latihan karangan yang disediakan di dalam buku aktiviti Cepak 4B amatlah seiring dengan aktiviti-aktiviti dan latihan yang dibincangkan oleh guru yang terlibat dalam kajian pembelajaran ini. Ini bermakna kajian pembelajaran ini di landaskan yang betul. Lantas, sebagai saranan, rancangan-rancangan pelajaran ini harus dijalankan di dalam kelas-kelas Darjah 4 yang lain agar murid lain juga akan dapat mengetahui cara-cara untuk menjana idea dan mengembangkan idea



dengan baik. Guru tidak perlu membina bahan-bahan baharu kerana latihan-latihan karangan yang ada di dalam Buku Aktiviti 4B amatlah bersesuaian dan bertepatan dengan strategi-strategi yang telah dibincangkan dalam kajian ini.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Mohamed Hisham Salim
2. Muliwati Zailani

RUJUKAN

Cartwright, L. (2011) 'How consciously reflective are you?', in McGregor, D. and Cartwright, L. *Developing Reflective Practice: A guide for beginning teachers*, Open University Press.

Dewey, J. (1910) *How we think*, Boston, D.C.Heath.

Dewey, J. (1933) *How we think: a re-statement of the relation of reflective thinking in the educative process*. Chicago: Henry Regnery.

Ming Fai Pang, L. M. (2012). Learning Study: helping teachers to use theory, develop professionally, and produce new knowledge to be shared. *Instructional Science*, 589-606.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

Ritchhart, Ron; Church, Mark; Morrison, Karin. (2011). *Making Thinking Visible*. Hoboken, NJ: Jossey-Bass.

